

i-Biaya: Golongan M40 dan B40 disaran rebut peluang buat permohonan

April 18, 2022 Written by Media Baharu Published in Semasa

 Tweet

5

 Like

Share

 Hits: 149

 Print

 Email



MARAN, 18 April - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berharap golongan B40 dan M40 mengambil kesempatan memohon inisiatif i-Biaya dalam usaha kerajaan untuk memudahkan pembiayaan perumahan bagi golongan berpendapatan rendah.

Khamis lalu, Menteri KPKT, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican serta Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz telah melancarkan inisiatif i-Biaya itu.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Dr Ismail Abd Muttalib berkata, inisiatif ini lebih memudahkan golongan tersebut untuk memiliki rumah selari dengan matlamat Satu Keluarga, Satu Rumah.

Tiga inisiatif yang ditawarkan di bawah i-Biaya ialah penambahbaikan kepada skim sedia ada iaitu Skim Jaminan Kredit Perumahan ; Skim Rumah Pertamaku (SRP) dan Skim PR1MA 'Rent-to-Own' (PR1MA RTO).

Skim pembiayaan SRP akan membuka peluang pembiayaan kepada mereka yang mempunyai pendapatan RM10,000 ke bawah untuk kediaman bernilai sehingga RM500,000.

Sementara Skim Jaminan Kredit Perumahan membolehkan mereka yang tidak mempunyai penyata gaji atau dokumen sewajarnya terutama mereka yang terlibat dalam ekonomi gig boleh memohon pembiayaan perumahan.

Skim PR1MA RTO pula akan membolehkan mereka yang berminat untuk menyewa dan kemudiannya membeli mengikut harga yang telah ditetapkan pada tahun keenam, melalui pembiayaan oleh Maybank.

"Kadang-kadang bukan semua nak mudah, pinjaman perumahan syarikat- syarikat kewangan. Jadi i-Biaya antara pendekatan yang dilakukan oleh kementerian perumahan dan kerajaan tempatan juga menteri kewangan bagi menyediakan memberi jaminan kepada pembeli rumah pertama, bagi Satu Keluarga Satu Rumah," katanya selepas merasmikan Program Jom Ke Sekolah bagi pelajar Orang Asli Kampung Paya Taman, Jengka 6, Maran, di sini.

Pada majlis itu seramai 11 pelajar Orang Asli masing-masing menerima sebuah basikal sebagai sokongan untuk mereka terus berusaha hadir ke sekolah memandangkan jumlah kehadiran mereka ke sekolah adalah rendah.



(Datuk Seri Dr Ismail Abd Muttalib memberi sumbangan kepada pelajar Orang Asli)